

HUBUNGAN KEPERLUAN PELAJAR, IKLIM BILIK DARJAH, MATLAMAT SEKOLAH DENGAN PENGETAHUAN PEDAGOGI ISI KANDUNGAN GURU TINGKATAN ENAM

Mokhtar bin Pet, Ahmad Johari Hj Sihes

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji hubungan keperluan pelajar, iklim bilik darjah, matlamat sekolah dalam mempengaruhi domain pemikiran pengetahuan pedagogi isi kandungan (PPIK) guru tingkatan enam. Kajian ini dijalankan menggunakan pendekatan kuantitatif dengan disokong dengan pendekatan kualitatif melalui temu bual. Guru tingkatan enam (GT6) yang terlibat sebagai responden merupakan guru yang mengajar di sekolah tingkatan enam negeri Johor. Persoalan kajian ini ialah (a) Bagaimanakah pemikiran guru tingkatan enam terhadap keperluan faktor luaran guru iaitu keperluan pelajar, iklim bilik dan darjah, matlamat sekolah? (b) Bagaimanakah domain pemikiran PPIK GT6? dan (c) Adakah terdapat hubungan diantara keperluan pelajar, iklim bilik darjah, matlamat sekolah dengan domain pemikiran PPIK GT6? Statistik deskriptif dan statistik inferensi digunakan untuk menganalisis data kuantitatif dan analisis kandungan digunakan bagi menganalisis data kualitatif. Dapatan kajian ini menunjukkan faktor keperluan pelajar merupakan faktor yang terpenting yang mempengaruhi domain pemikiran PPIK GT6. Bagi faktor keperluan pelajar, aspek motivasi pelajar yang terpenting iaitu dengan nilai min 4.80. Domain pemikiran PPIK iaitu aspek penguasaan isi kandungan dan kaedah mengajar mengikut topik yang terpenting dengan nilai min 4.60. Hubungan antara domain PPIK GT6 dengan faktor luaran guru adalah signifikan secara positif dalam tahap yang lemah iaitu iklim bilik darjah dengan pekali korelasi pearson bernilai 0.459, keperluan pelajar bernilai 0.443 dan matlamat sekolah bernilai 0.442. Kajian ini memberi maklumat kepada pihak sekolah dan Kementerian Pendidikan Malaysia dalam usaha menstabilkan pendidikan tingkatan enam terutama memberi motivasi kepada pelajar dan meningkatkan pengetahuan isi kandungan dan penguasaan pedagogi kepada GT6.

KATA KUNCI: Domain Pemikiran, Pengetahuan Pedagogi Isi Kandungan, Keperluan Pelajar, Iklim Bilik Darjah, Matlamat Sekolah.

1.0 PENGENALAN

Tingkatan enam merupakan satu kesinambungan pembelajaran bagi pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) serta boleh menjadi satu pilihan pelajar untuk melanjutkan pelajaran di peringkat pra universiti. Pengajaran tingkatan enam dilakukan oleh tiga kategori guru tingkatan enam (GT6) iaitu guru cemerlang yang mengajar mata pelajaran yang ditawarkan dalam tingkatan enam, guru akademik tingkatan enam dan guru penolong (guru yang mengajar peringkat pendidikan menengah). Kementerian Pendidikan Malaysia (2012) mengambil langkah untuk mentransformasi tingkatan enam selari dengan pendidikan pra universiti yang lain. Trend penawaran pelajar melanjutkan pelajaran tingkatan enam semakin meningkat oleh pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) menunjukkan usaha KPM untuk menstabilkan pendidikan tingkatan enam sebagai laluan perdana ke pusat pengajian tinggi. Berdasarkan Buku Laporan Tahunan daripada Majlis Peperiksaan Malaysia (MPM) daripada tahun 2007 hingga 2013 terdapat kurang 50% pelajar mengambil peperiksaan gagal mendapat kelulusan penuh (prinsipal) sekurang-kurangnya empat mata pelajaran di sekolah kerajaan.

MPM (2012) dalam usaha meningkatkan kualiti pentaksiran pelajar mengambil peperiksaan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) telah menukarkan format pentaksiran daripada sistem terminal kepada sistem pentaksiran penggal bermula tahun 2013. Melalui pentaksiran baharu ini pelajar akan dinilai berdasarkan peperiksaan selama tiga penggal dan kerja kursus. Perubahan format pentaksiran ini memberi tanggungjawab besar GT6 menerima perubahan dalam usaha mentransformasikan tingkatan enam sesuai dengan pendidikan lepasan menengah iaitu menggunakan kaedah kuliah, kuliah-perbincangan, tutorial dan projek (Abdull Sukor Shaari, 2011; Kauchak, D., & Eggen, P., 2011; Kamarudin, 1990). Guru yang mengajar tingkatan enam sewajarnya menggunakan kaedah yang berbeza untuk membangunkan intelek pelajar tingkatan enam. Pendekatan pengajaran inovatif juga dapat mengubah kepada pengajaran yang menarik dan sesuai selaras dengan penekanan Stodolsky dan Grossman (2000) mendapati bahawa guru-guru perlu membuat perubahan dalam pendekatan pengajaran mereka bagi menghadapi perubahan pelajar. ini bersesuaian dengan pandangan Pascarella (2005) iaitu menekankan tentang

pengajaran selepas pendidikan menengah iaitu menekankan kepada bagaimana pelajar boleh belajar dan membangunkan intelektual dengan meluaskan penggunaan pendekatan pengajaran inovatif.

2.0 TINJAUAN LITERATUR

2.1 TEORI INTERKASI SIMBOLIK

Dalam bidang pendidikan, David Hargreaves merupakan tokoh yang mengaitkan Teori Interkasi Simbolik berkaitan dengan pemikiran dan tindakan guru dalam membuat keputusan tentang pengajaran. Hargreaves, D.H. (1972) mengaplikasikan teori interaksi simbolik dalam pendidikan iaitu menjuruskan kepada makna yang dibentuk oleh masyarakat yang terlibat ialah guru dan murid. Organisasi sekolah boleh membentuk realiti sekolah tetapi bukan masyarakat yang mempengaruhi sekolah. Perspektif Teori Interaksi Simbolik menghuraikan pemahaman tentang tingkah laku manusia dilihat dari sudut pandangan subjektif iaitu tingkah laku manusia merupakan satu proses merancang dan membentuk tingkah laku berdasarkan pertimbangan jangkaan individu lain. Individu bertingkah laku berdasarkan penafsiran masing-masing dengan dipengaruhi oleh faktor persekitaran.

2.2 MODEL KEPUTUSAN PERANCANGAN GURU

Menurut Myers dan Myer (1995), setiap pelajar adalah unik dan berbeza antara satu sama lain. Perbezaan ini menyebabkan keperluan mereka adalah pelbagai dan berubah mengikut masa. Pelajar-pelajar datang ke sekolah dengan pelbagai keperluan seperti keperluan fizikal, keperluan psikologi dan emosi serta keperluan akademik. Iklim bilik darjah merujuk kepada suasana yang wujud dalam sesuatu bilik darjah iaitu perasaan psikologikal dan sosial yang dibina oleh seseorang guru. Ada guru yang cuba membina iklim yang menyokong, selesa, mesra dan tenang tetapi ada juga yang suka kepada iklim yang mencabar, ada persaingan dan tegang. Sistem sekolah menetapkan matlamat yang perlu dilaksanakan oleh guru dan dicapai oleh pelajar. Matlamat dan ekspektasi yang ditetapkan oleh sekolah selalunya memberi tekanan kepada perancangan guru di sekolah. Shulman (1986) menyatakan PPIK merujuk sejenis pengetahuan tersendiri yang diperlukan oleh guru untuk mengubah isi kandungan sesuatu mata pelajaran bertujuan menjadikan pengajaran lebih menarik dan mudah difahami oleh pelajar.

2.3 MODEL PEMIKIRAN DAN TINDAKAN GURU CLARK & PETERSON

Clark & Peterson (1986) menjalankan kajian berkaitan dengan proses pemikiran guru ialah untuk meningkatkan kefahaman bagaimana dan mengapa proses dan aktiviti pengajaran berlaku. Domain yang pertama ialah proses pemikiran guru dan domain kedua ialah tindakan guru dan kesannya boleh diperhatikan. Proses pemikiran guru berlaku di dalam pemikiran minda seseorang guru dan keadaan ini tidak boleh diperhatikan. Sebaliknya tingkah laku guru, tingkah laku pelajar dan skor pencapaian pelajar boleh diperhatikan fenomena yang berlaku. Tiga kategori utama proses pemikiran guru ditekankan dalam domain : (a) perancangan guru (pemikiran pre aktif dan pos aktif), (b) pemikiran dan keputusan interaktif guru, dan (c) teori dan kepercayaan guru. Fasa pengajaran guru yang berlaku secara kualitatif berbeza diantara pre aktif, inter aktif dan pos aktif dengan bentuk-bentuk pemikiran guru sebelum dan selepas interkasi dalam bilik darjah. Teori dan kepercayaan guru pula menggambarkan pengetahuan yang dimiliki oleh guru akan memberi kesan kepada perancangan dan interaktif pemikiran dan keputusan guru.


3.0 SOALAN KAJIAN

Persoalan kajian seperti berikut:

1. Bagaimanakah pemikiran guru tingkatan enam terhadap keperluan faktor luaran guru iaitu keperluan pelajar, iklim bilik dan darjah, matlamat sekolah?
2. Bagaimanakah domain pemikiran pengetahuan pedagogi isi kandungan guru tingkatan enam?
3. Adakah terdapat hubungan diantara keperluan pelajar, iklim bilik darjah, matlamat sekolah dengan domain pemikiran pengetahuan pedagogi isi kandungan guru tingkatan enam?

4.0 METODOLOGI KAJIAN

Penyelidik menggunakan pendekatan kuantitatif iaitu borang soal selidik dengan disokong dengan pendekatan kualitatif dengan menggunakan kaedah temu bual. Seramai 300 orang GT6 dipilih sebagai sampel kajian menggunakan borang soal selidik dan empat orang guru dijadikan responden temu bual. 300 GT6 dipilih secara rawak menggunakan sampel berkelompok dan temu bual bertujuan digunakan menggunakan temu bual berstruktur. Semua responden terdiri daripada GT6 yang mengajar sekolah tingkatan enam di negeri Johor. Instrumen kajian diambil daripada soal selidik Hafidah Mohamed (2001). Soal selidik ini diubahsuai supaya bersesuaian dengan tujuan kajian. Pengesahan isi kandungan instrumen kajian di sahkan oleh dua orang pakar dalam bidang kurikulum dan pengajaran. Sebelum kajian sebenar dijalankan, kajian rintis dijalankan dengan nilai kebolehpercayaan *Cronbach Alpha* diantara 0.770 hingga 0.887. Menurut Sekaran (2000) nilai kebolehpercayaan *Cronbach Alpha* kurang daripada 0.6 adalah dianggap rendah dan tidak boleh diterima. Nilai *Cronbach Alpha* antara 0.6 hingga 0.8 adalah dianggap berada ditahap kebolehpercayaan yang baik. Berdasarkan rajah 1, pemboleh ubah bebas terdiri daripada keperluan pelajar, iklim bilik darjah dan matlamat sekolah, sementara pemboleh ubah bersandar ialah pengetahuan pedagogi isi kandungan (PPIK).



Rajah 1 : Hubungan Pemboleh Ubah Kajian

Bagi menjawab persoalan kajian 1 dan 2, penyelidik menggunakan statistik deskriptif iaitu frekuensi, peratus, min dan sisihan piawai dan disokong dengan analisis temu bual. Bagi menjawab persoalan kajian 3, penyelidik menggunakan statistik inferensi iaitu korelasi pearson untuk melihat hubungan diantara pemboleh ubah bebas dan bersandar.

5.0 ANALISIS DATA

5.1 PROFIL KAJIAN RESPONDEN

Jadual 1 : Taburan Responden Kuantitatif

Latar Belakang	Katogeri	Frekuensi	Peratus (%)
Jantina	Lelaki	106	35.3
	Perempuan	194	64.7
Kelulusan Akademik Tertinggi	Ijazah Sarjana Muda	244	81.3
	Ijazah Lanjutan	56	18.7
Gred Jawatan Guru	DG41	58	19.3
	DG44	95	31.7
	DG48	133	44.3
	DG52	3	1.0
	DG54	11	3.7
Aliran Mata Pelajaran Tingkatan Enam	Aliran Kemanusiaan	244	81.3
	Aliran Sains	56	18.7

N=300

Merujuk jadual 1, profil kajian responden terdiri daripada 300 orang GT6 yang mengajar di sekolah tingkatan enam negeri Johor. Seramai 106 (35.3%) merupakan responden lelaki dan 194 (64.7%) orang adalah responden wanita. Dari segi gred jawatan guru, gred DG48 merupakan bilangan yang teramai iaitu 133 (44.3%) orang. Bagi aliran mata pelajaran, aliran kemanusiaan merupakan yang terbanyak iaitu 244 (81.3%) orang dan aliran sains seramai 56 (18.7%) orang. Nilai min pengalaman mengajar ialah 18.0 tahun dan nilai min mengajar sebagai GT6 ialah 10.2 tahun.

5.2 SOALAN KAJIAN 1

5.2.1 Pemikiran GT6 Terhadap Keperluan Pelajar

Berdasarkan jadual 2 nilai min tertinggi ialah bagi item 6 iaitu keperluan pelajar dalam aspek motivasi yang tinggi dalam bilik darjah apabila menerima pengajaran guru dengan nilai min 4.52. Nilai Min keseluruhan ialah 4.52 dengan sisihan piawai bernilai 0.46. Berdasarkan jadual interpretasi skor Nunaly & Bernstein (1994), menunjukkan faktor keperluan guru terhadap keperluan pelajar adalah tinggi.

Dapatan ini disokong dengan jawapan-jawapan daripada temu bual seperti berikut:

R1 *Saya mesti ingat nama dan saya simpan nama kerana ia boleh merangsang pelajar dan akan rasa seronok belajar.*

R2 *Kita kena terangkan kepada pelajar tingkatan 6 ni peluang untuk ke universiti bagi memberi motivasi kepada pelajar.*

Jadual 2 : Pemikiran Guru Tingkatan Enam Terhadap Keperluan Pelajar.

Bil	Item	Sangat Tidak Diperlukan		Kurang Diperlukan		Tidak Pasti		Diperlukan		Sangat Diperlukan		Min
		f	%	f	%	f	%	f	%	f	%	
1	Pelajar perlu memiliki harga diri apabila berada di dalam bilik darjah.	0	0	6	2.0	10	3.3	124	41.3	160	53.3	4.5
2	Pelajar berkemampuan mengawal emosi apabila berhubung dengan rakan lain di dalam bilik darjah.	0	0	5	1.7	9	3.0	135	45.0	151	50.3	4.4
3	Pelajar mampu mengaplikasikan kecerdasan yang dimiliki.	0	0	3	1.0	14	4.7	134	44.7	149	49.7	4.4
4	Pelajar mampu mengembangkan nilai-nilai murni yang dipegang.	0	0	3	1.0	11	3.7	128	42.7	158	52.7	4.5
5	Pelajar boleh menyesuaikan diri dengan pelbagai kaedah pengajaran yang digunakan oleh guru.	0	0	1	0.3	9	3.0	123	41.0	167	55.7	4.5
6	Pelajar perlu mempunyai motivasi diri yang tinggi di dalam bilik darjah apabila menerima pengajaran guru.	1	0.3	0	0	2	0.7	67	22.3	230	76.7	4.8
	Min Keseluruhan Sisihan Piawai	4.52 0.46										

5.2.2 Pemikiran GT6 Terhadap Keperluan Iklim Bilik Darjah.

Jadual 3, menunjukkan domain pemikiran GT6 terhadap keperluan iklim bilik darjah. Nilai min yang tertinggi bernilai 4.6 bagi item ke 11 dan 12 yang menunjukkan komunikasi dua hala pelajar dan keadaan bilik darjah harmoni diperlukan oleh guru dalam pengajaran. Nilai min keseluruhan ialah 4.42 dengan nilai sisihan piawai 0.42 yang menunjukkan GT6 memerlukan iklim bilik darjah pada tahap tinggi.

Dapatan kajian ini disokong dengan temubual:

R3 *Suasana kelas aman, tenang sedikit banyak boleh mempengaruhi mood kita nak mengajar, dari segi fizikal kelas hendaklah bersih ada kekemasan kat papan tanda, marker ada boleh mempengaruhi mood kita mengajar.*

R4 *Hubungan dengan pelajar perlu ada... hubungan dua hala. Pelajar dewasa dia boleh bergerak sendiri walaupun tanpa ada guru.*

Jadual 3 : Pemikiran Guru Tingkatan Enam Terhadap Keperluan Iklim Bilik darjah.

Bil	Item	Sangat Tidak Diperlukan		Kurang Diperlukan		Tidak Pasti		Diperlukan		Sangat Diperlukan		Min
		f	%	f	%	f	%	f	%	f	%	
9	Saya perlu mewujudkan komunikasi dua hala dengan pelajar semasa pengajaran.	0	0	2	0.7	0	0	101	33.7	197	65.7	4.6
10	Saya perlu mewujudkan kumpulan pelajar yang boleh bekerjasama di dalam bilik darjah semasa pengajaran.	0	0	2	0.7	5	1.7	132	44.0	161	53.7	4.5
11	Saya perlu membentuk sikap pelajar yang boleh menghormati pelajar lain di dalam bilik darjah.	0	0	3	1.0	4	1.3	133	44.3	160	53.3	4.5
12	Saya perlu mewujudkan suasana harmoni di dalam bilik darjah.	0	0	1	0.3	0	0	111	37.0	188	62.7	4.6
13	Saya perlu berjenaka di dalam bilik darjah.	1	.3	35	11.7	23	7.7	177	59.0	64	21.3	3.9
14	Saya boleh menggunakan kemudahan fizikal yang ada di dalam bilik darjah semasa pengajaran.	1	.3	5	1.7	12	4.0	187	62.3	95	31.7	4.2
15	Saya perlu sensitif dengan perbezaan kebolehan pelajar semasa pengajaran.	0	0	1	0.3	4	1.3	146	48.7	149	49.7	4.5
16	Saya perlu mengekalkan disiplin bilik darjah yang berkesan semasa pengajaran.	0	0	3	1.0	3	1.0	121	40.3	173	57.7	4.5
	Min Keseluruhan	4.42										
	Sishan Piawai	0.42										

5.2.3 Pemikiran GT6 terhadap keperluan matlamat sekolah.

Dalam jadual 4, item 21 dan 22 menunjukkan nilai min yang tertinggi iaitu nilai min 4.6. Ini menunjukkan pihak sekolah perlu merancang satu takwim sekolah yang sesuai dan matlamat sekolah boleh membentuk semangat kekitaan yang luhur dikalangan warga sekolah. Nilai min keseluruhan ialah 4.50 dan sisihan piawai 0.46. Dapatan kajian menunjukkan keperluan GT6 terhadap matlamat sekolah berada di tahap yang tinggi.

Melalui temu bual dapat menyokong dapatan kajian ini berdasarkan:

R2 *Visi dan misi sekolah dijelaskan dahulu dan ditampalkan di dalam kelas sebab ni penting, untuk mencapai sasaran penting sebab setiap kelas ada KPInya.*

R4 *Matlamat sekolah STPM memang jelas dan guru perlu berusaha capai... jika gagal guru kena buat audit mencari punca dan langkah mengatasi.....kat sekolah kita tak ada unsur berpuak-puak, .kita bercampur gaul pra U dengan arus perdana.*

Jadual 4 : Pemikiran Guru Tingkatan Enam Terhadap Keperluan Matlamat Sekolah.

Bil	Item	Sangat Tidak Diperlukan		Kurang Diperlukan		Tidak Pasti		Diperlukan		Sangat Diperlukan		Min
		f	%	f	%	f	%	f	%	f	%	
17	Matlamat sekolah yang jelas adalah penting.	0	0	3	1.0	7	2.3	118	39.3	172	57.3	4.5
18	Sekolah perlu menetapkan pencapaian peperiksaan STPM yang praktikal.	0	0	2	0.7	3	1.0	125	41.7	170	56.7	4.5
19	Sekolah perlu menetapkan visi sekolah yang jelas.	1	0.3	3	1.0	4	1.3	134	44.7	158	52.7	4.5
20	Sekolah perlu menetapkan misi sekolah yang jelas.	1	0.3	5	1.7	4	1.3	133	44.3	157	52.3	4.5
21	Kepentingan pihak sekolah merancang satu takwim sekolah yang sesuai.	1	0.3	0	0	2	0.7	119	39.7	178	59.3	4.6
22	Sekolah perlu membentuk semangat kekitaan yang luhur dikalangan warga sekolah.	0	0	2	0.7	6	2.0	111	37.0	181	60.3	4.6
23	Matlamat sekolah dapat memenuhi tuntutan pendidikan sekolah di tahap antarabangsa.	1	0.3	7	2.3	14	4.7	147	49.0	131	43.7	4.3
	Min Keseluruhan	4.50										
	Sisihan Piawai	0.46										

5.3 SOALAN KAJIAN 2.

Jadual 5 menunjukkan domain pemikiran GT6 dalam pengajaran dalam bidang pengetahuan pedagogi isi kandungan. Berdasarkan jadual tersebut didapati item 28 dan 29 mempunyai nilai min yang tertinggi iaitu 4.6, ini menunjukkan bahawa GT6 perlu menguasai topik dengan baik dalam memilih bahan bantu mengajar yang bersesuaian dan GT6 boleh menyampaikan pengajaran dengan berkesan jika menguasai pengetahuan pengajaran berasaskan isi kandungan. Nilai min keseluruhan ialah 4.44 dengan sisihan piawai 0.40. Ini menunjukkan domain pemikiran GT6 dalam bidang PPIK berada ditahap kepentingan yang tinggi.

Dapatan kajian ini disokong melalui temu bual di bawah:

R1 *Cikgu seharusnya berbeza mengajar mengikut tajuk, saya sebagai guru pengajian am akan menggunakan kaedah yang berbeza contohnya dalam mengajar graf dan statistik perlu kaedah yang berbeza.*

R4 *Guru tingkatan 6 memang menguasai pengetahuan isi kandungan sebab tingkan 6 ni luas dan mendalam kena tackle macam-macam soalan.*

Jadual 5 : Domain Pemikiran Guru Tingkatan Enam Dalam Bidang Pengetahuan Pedagogi Isi Kandungan.

Bil	Item	Sangat Tidak Setuju		Tidak Setuju		Tidak Pasti		Setuju		Sangat Setuju		Min
		f	%	f	%	f	%	f	%	f	%	
24	Saya mengajar menggunakan kaedah pengajaran yang sesuai berdasarkan topik.	0	0	1	0.3	0	0	166	55.3	133	44.3	4.4
25	Saya mengajar pelajar dengan menyusun pelbagai pengalaman pelajar sedia ada bersesuaian dengan topik yang diajar.	0	0	3	1.0	21	7.0	174	58.0	102	34.0	4.2
26	Saya mengajar bersesuaian dengan pelajar yang memiliki pelbagai pengetahuan yang berkaitan dengan isi kandungan.	0	0	0	0	11	3.7	192	64.0	97	32.3	4.3

27	Saya boleh membuat perancangan yang baik berdasarkan kefahaman yang mantap terhadap isi kandungan.	0	0	0	0	11	3.7	181	60.3	108	36.0	4.3
28	Saya perlu menguasai topik dengan baik supaya dapat memilih bahan bantu mengajar yang bersesuaian.	0	0	0	0	2	0.7	125	41.7	173	57.7	4.6
29	Saya boleh menyampaikan pengajaran dengan berkesan jika menguasai pengetahuan pengajaran berasaskan isi kandungan.	0	0	0	0	2	0.7	114	38.0	184	61.3	4.6
30	Saya perlu memastikan objektif pengajaran bersesuaian dengan isi kandungan pelajaran.	0	0	0	0	4	1.3	123	41.0	173	57.7	4.5
31	Saya perlu menguasai pengetahuan pedagogi isi kandungan supaya boleh mengajar dengan menggunakan kaedah yang sesuai.	0	0	0	0	3	1.0	144	48.0	153	51.0	4.5
	Min Keseluruhan Sisihan Piawai	4.44	0.40									

5.4 SOALAN KAJIAN 3.

Jadual 6 menunjukkan pekali korelasi antara PPIK dengan keperluan pelajar, iklim bilik darjah dan matlamat sekolah. Hubungan signifikan yang positif antara PPIK dengan semua keperluan berdasarkan faktor luaran guru iaitu keperluan pelajar, iklim bilik darjah dan matlamat sekolah. Nilai pekali korelasi dengan keperluan pelajar ialah .443, iklim bilik darjah .459 dan matlamat sekolah .442. Berdasarkan jadual interpretasi saiz pekali korelasi kajian Gravetter dan Walnau (2004) menunjukkan semua tahap hubungan berada di tahap hubungan yang lemah. Melalui temu bual hubungan antara PPIK dengan faktor luaran guru seperti di bawah:

R1 *Hubungan guru dengan faktor luar memang ada, kaitan contoh kaedah pengajaran mesti mengambil kira latar pelajar.*

Jadual 6 : Pekali Korelasi Antara Pengetahuan Pedagogi Isi kandungan dengan Keperluan Pelajar, Iklim Bilik Darjah dan Matlamat Sekolah.

Pemboleh Ubah	Keperluan Pelajar	Iklim Bilik Darjah	Matlamat Sekolah	Pengetahuan Pedagogi Isi Kandungan
Keperluan Pelajar	1	.468**	.410**	.443**
Iklim Bilik Darjah	.468**	1	.428**	.459**
Matlamat Sekolah	.410**	.428**	1	.442**
Pengetahuan Pedagogi Isi Kandungan	.443**	.459**	.442**	1

N=300 **Signifikan pada aras $p < .01$ (2 arah)

6.0 KESIMPULAN DAN PERBINCANGAN

Berdasarkan dapatan kajian, faktor luaran yang diperlukan oleh GT6 dalam pengajaran ialah keperluan pelajar dengan nilai min 4.52 dengan sisihan piawai 0.42, faktor iklim bilik darjah nilai min 4.42 dan sisihan piawai 0.42 dan matlamat sekolah dengan nilai min 4.50 dengan sisihan piawai 0.46. Ini menunjukkan faktor yang paling penting ialah keperluan pelajar, diikuti dengan matlamat sekolah dan iklim bilik darjah. Hasil dapatan ini disokong melalui temu bual ke atas GT6. Kajian ini selaras dapatan kajian Myers dan Myers (1995) iaitu faktor berkaitan dengan pelajar sangat penting yang boleh mempengaruhi domain pemikiran guru dalam pengajaran. Menurut Kauchak, D., & Eggen, P. (2011), guru yang berkesan sentiasa mempelajari budaya yang dipegang oleh pelajar dan menggunakan maklumat tersebut membuat promosi kebanggaan peribadi dan memberi motivasi kepada pelajar. Hubungan yang positif antara guru dengan pelajar juga mewujudkan motivasi kepada pelajar dalam pembelajaran

(Parkay, F.W., & Stanford, B.H., (2010). Menurut Hlas & Hildebrandf (2010) menyatakan guru perlu perkara yang diajar sebelum memikirkan cara, dan kepada siapa topik itu diajar.

Domain pemikiran GT6 dalam bidang PPIK dengan nilai min 4.44 dengan berada di tahap kepentingan yang tinggi. Ini menunjukkan PPIK berada ditahap kepentingan tinggi bagi domain pemikiran GT6 dalam pengajaran pelajar tingkatan enam. GT6 perlu menguasai topik dengan baik supaya dapat memilih bahan bantu mengajar yang sesuai dan GT6 boleh menyampaikan pengajaran yang berkesan jika dapat menguasai PPIK dengan baik. Hasil dapatan ini disokong melalui temu bual ke atas GT6. Dapatan kajian ini selaras dengan kajian Hinton (1998) ke atas 43 orang guru dan 805 orang pelajar mendapat peratus yang tinggi yang diberi kepada guru yang mempelbagai kaedah pengajaran berbanding guru yang kurang menggunakan strategi pengajaran. Dapatan kajian oleh Peter (1997) dan Me Diarmid (1990) PPIK membolehkan guru merancang dan mampu menunjukkan perbezaan dalam pengajaran yang boleh menyumbangkan prestasi pengajaran yang baik. Kajian oleh Peter (1997) dan Mc Diarmid (1990) Pengetahuan isi kandungan perlu ada dalam perancangan guru kerana pengetahuan yang banyak dalam mata pelajaran dapat menunjukkan perbezaan dalam pengajaran dan menyumbangkan prestasi pengajaran yang lebih baik.

Kajian yang dijalankan oleh Wong Khok Seng dan Tan Piek Lee (1994) terhadap guru-guru Bahasa Melayu yang baik yang menggunakan 40 orang pelajar di sebuah sekolah menengah kebangsaan di Negeri Sembilan, dapatan kajian diperolehi ialah pelbagai persepsi pelajar terhadap guru yang baik termasuklah mempunyai pengetahuan mendalam terhadap isi kandungan mata pelajaran, menggunakan pelbagai aktiviti dan teknik pengajaran seperti menggunakan majalah, kuiz, memberikan kosa kata yang banyak, memberikan latihan yang berfaedah, pelajar berpeluang bertanya dan pelajar lebih banyak bercakap berbanding dengan guru. Menurut Alimuddin (2008) kefahaman yang mendalam dalam mata pelajaran yang diajar boleh menjadikan guru itu lebih mudah dan berkeyakinan sewaktu menyampaikan pengajaran. Dapatan kajian ini menunjukkan GT6 perlu menguasai PPIK untuk menyampaikan pengajaran berkesan selari dengan NCTM (2000) iaitu guru yang memiliki PPIK yang mantap mampu membuat hubungan antara topik yang diajar.

Melalui kajian ini didapati pemboleh ubah keperluan pelajar, iklim bilik darjah dan matlamat sekolah mempunyai hubungan signifikan secara positif pada aras lemah dengan domain pemikiran GT6 dalam bidang PPIK. Hubungan yang tertinggi ialah iklim bilik darjah dengan nilai pekali korelasi iaitu .459, diikuti dengan keperluan pelajar .443 dan matlamat sekolah .442. Dapatan kajian ini selaras dengan dapatan kajian yang dijalankan oleh Sahandri, Hafidah & Mohammad (2008) mendapati PPIK mempunyai hubungan yang positif dengan keperluan pelajar, iklim bilik darjah dan matlamat sekolah. Dapatan kajian ini menunjukkan faktor motivasi pelajar merupakan elemen yang penting dalam faktor keperluan pelajar. GT6 boleh menyampaikan pengajaran yang berkesan jika pelajar tingkatan 6 bermotivasi, dengan itu GT6 sewajar memberi motivasi kepada pelajar sebelum memulakan pengajaran sesuatu topik dan mata pelajaran. Pihak sekolah perlu mengadakan program dan keputusan pentadbiran yang dapat meningkatkan motivasi pelajar tingkatan enam untuk terus belajar. Pihak KPM sentiasa berusaha menambahkan baik sistem pendidikan tingkatan enam seperti kemudahan infrastruktur, sistem pengajaran dan pembelajaran serta peruntukan kewangan supaya langkah ini memberi ransangan kepada pelajar memilih pendidikan tingkatan enam sebelum memasuki universiti.

Melalui kajian didapati penguasaan kandungan mata pelajaran dan PPIK yang tinggi penting dapat memberi keberkesanan kepada GT6 dalam pengajaran. Pihak sekolah dan KPM boleh mengadakan kursus dan bengkel dalam usaha meningkatkan penguasaan dalam bidang ini kepada GT6. Diantara langkah yang boleh diambil ialah menggunakan perkhidmatan tenaga pensyarah dalam menyampaikan sesuatu kursus berkaitan topik dan mata pelajaran kerana golongan ini telah sedia tenaga kepakaran. Pihak sekolah berusaha mewujudkan pusat sumber supaya dapat menyediakan bahan bacaan menjuruskan peningkatan ilmu pengetahuan dalam sesuatu topik dan mata pelajaran. Dalam meningkatkan PPIK, pihak sekolah dan KPM boleh menggunakan khidmat guru cemerlang dan guru berpengalaman dalam berkongsi maklumat dalam PPIK. Selain itu usaha mewujudkan satu modul pengajaran setiap mata pelajaran dalam tingkatan enam dapat memberi garis panduan kepada GT6 dalam menyampaikan pengajaran.

Kajian yang dijalankan secara umum berkaitan GT6, dapatan kajian tidak dapat menggambarkan tentang sesuatu mata pelajaran, bidang pendidikan tingkatan enam dan katogeri GT6. Dengan itu kajian secara khusus yang berkaitan dengan mata pelajaran, bidang mata pelajaran dan katogeri GT6 perlu dijalankan untuk melihat hasil dapatan kajian yang berkaitan dengan mata pelajaran, bidang pendidikan tingkatan enam dan katogeri GT6 yang terlibat dalam pengajaran tingkatan enam.

RUJUKAN

- Abdull Sukor Shaari. 2011. *Pedagogi Dari Sekolah Ke Institut Pendidikan Tinggi*. Penerbit Universiti Utara Malaysia. Sintok.
- Clark, C.M. & Peterson, P.L. (1986). Teacher's Thought Process In. Witrock, M.C. Handbook of research on teaching. *A project of the American Educational Research Association*. Ed. ke-3. New York: Macmillan Publishing Company.
- Gravetter, P.J. & Wallnau, L.G. (2004). *Essentials of Statistics for Behavioral Science*. (6th Ed.) Belmont, CA: Thomson Learning.
- Hargreavas D.H.,1972. *Interpersonal Relations and Education*. U.S.A : Routledge & Kegan Paul Ltd.
- Hinton, A.L. (1998). Teaching and learning strategies. *A comparison of teachers and students perception*. Unpublished doctoral dissertation. University of South Carolina.
- Hlas, A. & Hilderbrandf, S. 2010. Demonstrations of Pedagogical Content Knowledge. *Journal of Teacher Education* 41(3): 44-52
- Kauchak, D., & Eggen, P. (2011). *Introduction to teaching : Becoming a profesional* (4 th Ed.). Upper Saddle River, NJ: Pearson Education.
- Kementerian Pelajaran Malaysia (2012). *Pelan Pembangunan Pendidkan Malaysia (2013-2025)*. Putrajaya.
- Nunally, J., & Bernstein, I. 1994. *Psychometric Theory*. Edisi ke-3. New York: McGraw Hill.
- Majlis Peperiksaan Malaysia (2012). *Sistem Pentaksiran Baharu STPM*. [Brochur]. Gombak: Majlis Peperiksaan Malaysia.
- Majlis Peperiksaan Malaysia. *Buku Laporan Tahunan* diperolehi daripada <http://www.mpm.edu.my>
- Mc Diarmid, G.W. (1990). Tilting at webs of beliefs. Field experiences as a mean of a breaking with experiences. In S. Feiman-Nemser and H. Featherstone (Eds). *Exploring teaching: Reinventing an introductory course*. New York: Teachers College Press.
- Myers, C.B. & Myers, L.K. (1995). *The professional educator. A new introduction to teaching and schools*. Belmont: Wadworth Publishing Company.
- Parkay, F.W., & Stanford, B.H., (2010): *Becoming a teacher* (8 th Ed.). Upper Saddle River, NJ: Pearson Education.
- Pascarella E.T. (2005) *How College Affects Students. Volume 2 A Third Decade of Research*. Jossey-Bass: A Wiley Imprint.
- Peter, R. (1997). *Education and education of teachers*. London: Routledge & Kegan Paul.
- Sahandri G. Hamzah, Hapidah Mohamad, & Mohammad R. Ghorbani 2008. Excellent Teachers' Thinking Model: Implication For Effective Teaching. *Australian Journal of Teacher Education*: Vol.33: Iss. 4, Article 2.
- Sekaran, U. 2000. *Research Methods for Business: A Skill Building Approach* Ed. Ke-3. New York : John Wiley & Sons.
- Stodolsky, S.S. & Grossman, P.L. (2000). Changing students, changing teaching. *Teachers College Record*. 102 (1): 125-172.
- Wong Khok Seng & Tan Piek Lee. (1994). Persepsi guru Bahasa Melayu yang baik. *Jurnal Dewan Bahasa*. (2).